

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN****DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD****SOALAN : NO. 155**

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilakah projek pembinaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan dilaksanakan di Parlimen Lipis kerana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan tapak yang amat strategik untuk didirikan Pusat Pengajian Tinggi di Parlimen Lipis. Sekiranya ia tiada dalam Perancangan Kementerian Pendidikan Tinggi, bilakah pula Kementerian akan mengkaji semula untuk melaksanakan projek pembinaan Pusat Pengajian Tinggi tersebut dan sekiranya ia juga tiada dalam perancangan pada masa hadapan, adakah Kementerian bersetuju untuk memulangkan kawasan tanah tersebut bagi kegunaan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) mempunyai tanah seluas 898.5 ekar di Lipis, Pahang. Pada masa ini, belum ada perancangan bagi membangunkan kampus atau cawangan UiTM di Lipis, Pahang. Namun, UiTM sedang membuat perancangan berhubung pembangunan tanah

tersebut untuk dijadikan pusat penyelidikan dan juga untuk program berteraskan perladangan.

SOALAN NO. : 156**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN****PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]****SOALAN :**

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah peruntukan untuk pembinaan projek tebatan banjir di Parlimen Lipis, yang mana masalah banjir di Parlimen Lipis semakin kerap berlaku. Sekiranya tiada dalam permohonan dari agensi Kerajaan terhadap projek tebatan untuk Parlimen Lipis, adakah Kementerian akan mengkaji semula keperluan projek tebatan ini khususnya di Parlimen Lipis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah membuat permohonan dalam *Rolling Plan 3 (RP3) RMKe-11* bagi melaksanakan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sg Jelai (Fasa 1), Daerah Lipis, Pahang Darul Makmur.

Objektif utama pelaksanaan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sg Jelai (Fasa 1), Daerah Lipis, Pahang Darul Makmur adalah bagi melindungi penduduk-penduduk di sepanjang Lembangan Sg. Jelai dari masalah limpahan Sg. Jelai serta sub-lembangannya. Melalui pelaksanaan projek ini, diharapkan isu keselamatan penduduk, kemusnahan/ kerosakan harta benda serta kesan negatif terhadap ekonomi yang telah mengakibatkan nilai kerugian yang tinggi dapat diselesaikan sepenuhnya. Selain daripada itu, pelaksanaan projek kelak secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk dan meningkatkan nilai hartanah setempat.

Antara skop dan komponen projek adalah seperti berikut;

- 1) Pekhidmatan perunding : Siasatan tanah, Pengukuran tanah, Kajian/ Reka bentuk terperinci;
- 2) Peta *hazard* banjir;
- 3) Pengambilan balik tanah;

- 4) Mempertingkat aliran sungai dengan melaksanakan kerja melebar & mendalam sungai;
- 5) Penstabilan dan pengukuhan tebing;
- 6) Pembinaan ban atau tembok banjir;
- 7) Membina struktur kawalan banjir. Membina sistem saliran baru atau menaiktaraf sistem saliran sedia ada;
- 8) Pembinaan kolam takungan banjir dan sistem pam;
- 9) Menaiktaraf struktur lintasan dan jambatan; dan
- 10) Pengalihan utiliti.

Kos keseluruhan bagi cadangan projek tersebut dianggarkan sebanyak RM45,000,000.00.

Sekian, terima kasih.